



DR. MAHATHIR MOHAMAD menunjukkan gambar wajahnya pada buku *Up Up Ahead* semasa majlis sambutan KLIA Genap 21 Tahun - Suatu Legasi Amat Berharga di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), semalam. Turut sama, Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook (dua dari kiri). - BERNAMA

Saya bangga dengan KLIA - Dr. Mahathir

■ SEPANG 13 OGOS

PERDANA Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad pada majlis sambutan ulang tahun ke-21 Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) hari ini berkata, beliau berbangga dengan lapangan terbang itu, seperti mana perasaan yang dialaminya pada 1998 semasa merasmikan pembukaan KLIA.

"Saya berasa bangga ketika itu kerana ia adalah realisasi sebuah impian dan janji. Saya berasa bangga hari ini kerana ia kini suatu realiti," katanya ketika berucap pada sambutan KLIA Genap 21 Tahun - Suatu Legasi yang Amat Berharga di sini hari ini.

Dalam ucapan itu, Dr. Mahathir mengimbau kembali kenangan indah beliau tentang KLIA yang

kini berkembang menjadi sebuah lapangan terbang serba canggih daripada asalnya sebuah ladang kelapa sawit di atas tanah gambut.

"Sememangnya mengagumkan untuk menyaksikan ladang kelapa sawit bertukar wajah menjadi sebuah lapangan terbang yang begitu indah dan berupaya menjadi sebuah ikon. Ia adalah suatu keajaiban seni bina," katanya.

Dr. Mahathir turut merakamkan penghargaan beliau kepada mendiang Kisho Kurokawa, arkitek tersohor Jepun yang bertanggungjawab ke atas konsep 'Lapangan Terbang di Dalam Hutan, Hutan di Dalam Lapangan Terbang' KLIA.

"Pada mulanya tidak begitu, tetapi selepas 21 tahun, jelas ia adalah sebuah lapangan terbang dalam hutan dan hutan dalam lapangan terbang," katanya.

Pada majlis hari ini, Perdana Menteri meninjau model skala asal KLIA yang diserahkan oleh Kisho Kurokawa Architect and Associates dan ia akan dipamerkan secara tetap di KLIA.

Dalam sidang akhbar kemudian, Dr. Mahathir ditanya tentang impian beliau bagi KLIA dan jawabnya, beliau tidak pernah terfikir tentang syarikat penerbangan tambang murah pada 1998 namun kini ia merupakan sebuah industri yang besar.

"Pada masa depan mungkin kita (Malaysia) memerlukan lapangan terbang di angkasa. Siapa tahu. Dan anda akan menempuh perjalanan tiga jam ke London," katanya, dan menambah, telah ada beberapa pihak yang mencadangkan supaya program seperti itu diwujudkan di Malaysia. - BERNAMA